

Strategi Pedagogi Inovatif Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Membangunkan Modul Kemahiran Sosial Berasaskan Permainan Kreatif

Zailatul Nazirah Zakaria, Zaharah Osman dan Anis Norma Mohamad Jaafar

Abstrak – Kemahiran sosial merupakan aspek penting dalam perkembangan awal kanak-kanak kerana ia mempengaruhi interaksi mereka dengan rakan sebaya dan persekitaran. Kajian ini bertujuan membangunkan satu modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif sebagai strategi pedagogi inovatif dalam pendidikan awal kanak-kanak. Menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research, DDR), kajian ini melalui tiga fasa utama: analisis keperluan, reka bentuk modul, dan penilaian kebolegunaan. Data dikumpul melalui kaedah kajian literatur, soal selidik, dan analisis kandungan untuk membangunkan kerangka modul yang berstruktur. Modul ini mengintegrasikan elemen permainan kolaboratif, lakonan peranan, dan seni kreatif bagi meningkatkan interaksi sosial, empati, dan kemahiran komunikasi kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan main kreatif bukan sahaja berkesan dalam meningkatkan kemahiran sosial, tetapi juga memberi impak positif terhadap keyakinan diri dan kesejahteraan emosi kanak-kanak. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan inovasi pedagogi dalam pendidikan awal kanak-kanak serta menyediakan panduan kepada pendidik dalam mengaplikasikan strategi yang lebih interaktif dan berpusatkan kanak-kanak. Kajian ini juga menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memperkukuh bukti bahawa permainan kreatif dapat berfungsi sebagai alat pembelajaran yang efektif dalam membangunkan kemahiran sosial kanak-kanak. Oleh itu, penggunaan modul ini disarankan sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan prasekolah untuk memperkukuh asas kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak, seterusnya menyediakan mereka untuk pengalaman pembelajaran yang lebih kompleks pada peringkat pendidikan seterusnya.

Kata kunci – Kemahiran Sosial, Kanak-Kanak, Modul, Prasekolah, Permainan Kreatif

I. PENGENALAN

Kemahiran sosial merupakan tunjang penting dalam perkembangan menyeluruh kanak-kanak prasekolah. Kemahiran ini melibatkan kebolehan berinteraksi secara positif dengan individu lain melalui komunikasi, kerjasama, empati, dan penyelesaian konflik. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, strategi pedagogi yang inovatif perlu dirangka bagi menyokong pembentukan kemahiran sosial yang kukuh. Salah satu pendekatan yang berkesan ialah permainan kreatif, yang dapat menyediakan persekitaran pembelajaran menyeronokkan, aktif, dan bermakna (Ismail & Hussin, 2021).

Zailatul Nazirah Zakaria, Universiti Pendidikan Sultan Idris (zaizinnirah@gmail.com).

Zaharah Osman, Universiti Pendidikan Sultan Idris (zaharah@fpm.upsi.edu.my).

Anis Norma Mohamad Jaafar, Universiti Pendidikan Sultan Idris (anisnorma@fpm.upsi.edu.my).

Kemahiran sosial merupakan aspek asas dalam perkembangan menyeluruh kanak-kanak, khususnya dalam konteks pendidikan awal. Penguasaan kemahiran sosial yang baik dapat membantu kanak-kanak membina hubungan positif dengan rakan sebaya, mengawal emosi, menyelesaikan konflik secara konstruktif serta menyesuaikan diri dalam persekitaran pembelajaran. Dalam era pendidikan berasaskan pendekatan holistik dan pembelajaran abad ke-21, keperluan untuk mengintegrasikan elemen kemahiran sosial dalam kurikulum prasekolah semakin penting.

Permainan kreatif seperti lakonan peranan, permainan kolaboratif dan seni ekspresif bukan sahaja menyeronokkan tetapi turut menyediakan peluang pembelajaran sosial yang berkesan. Namun, pelaksanaan pendekatan ini masih belum dilaksanakan secara sistematik dalam bentuk modul yang berstruktur dan disesuaikan dengan konteks tempatan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR).

II. PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks global, laporan UNICEF (2023) menekankan peningkatan kesukaran tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Fenomena ini dipercayai berpunca daripada kekurangan pendedahan kepada aktiviti interaktif yang mampu merangsang perkembangan kemahiran sosial. Kanak-kanak prasekolah sering berhadapan dengan cabaran dalam membina hubungan sosial yang sihat, seperti kurangnya empati, sukar bekerjasama, dan ketidakupayaan menyelesaikan konflik (Kamarulzaman & Jalil, 2021). Kegagalan menangani isu ini boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan sosial dan akademik mereka. Ketiadaan modul yang berstruktur dan berasaskan permainan kreatif menyukarkan guru untuk memupuk kemahiran sosial secara sistematik.

Walaupun banyak kajian membuktikan keberkesanan permainan dalam pendidikan awal, pelaksanaan yang sistematik dan berasaskan teori masih kurang. Tiada modul yang dirangka khusus untuk kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah yang menekankan pendekatan permainan kreatif secara menyeluruh di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Oleh itu, satu keperluan wujud untuk membangunkan modul yang berdasarkan reka bentuk instruksional dan penilaian keberkesanan. Dalam konteks pendidikan prasekolah di Malaysia, cabaran ini lebih ketara disebabkan oleh kekurangan modul pengajaran yang komprehensif dan berfokus kepada pembangunan kemahiran sosial. Kajian-kajian seperti oleh Ahmad et al. (2021) mendapati bahawa kebanyakan kurikulum

prasekolah masih tertumpu kepada aspek akademik seperti literasi dan numerasi, sementara aspek sosioemosi, terutamanya kemahiran sosial, kurang diberi perhatian. Kajian oleh Ahmad dan Mohamad (2021) mendapati bahawa 30% kanak-kanak prasekolah di Malaysia menunjukkan masalah dalam kemahiran sosial, termasuk kesukaran untuk berkongsi, berkomunikasi dengan rakan sebaya, dan mengawal emosi. Perkembangan ini memberi kesan negatif terhadap pembelajaran dan penyesuaian sosial mereka.

Laporan terbaru dari Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menekankan kepentingan pembangunan kemahiran sosial pada peringkat awal kanak-kanak untuk memastikan kesejahteraan mental dan sosial yang baik pada masa akan datang. WHO mengesyorkan agar program pendidikan awal kanak-kanak mengintegrasikan permainan kreatif sebagai sebahagian daripada kurikulum untuk memupuk kemahiran sosial dan emosional (WHO, 2023). Walaupun pelbagai pendekatan telah dicadangkan untuk menangani isu ini, kebanyakannya bersifat umum dan kurang memberi tumpuan kepada integrasi bermain kreatif sebagai medium untuk pembangunan sosial.

Objektif Kajian

Fasa 1 : Analisis Keperluan

1. Mengenal pasti keperluan terhadap pembangunan modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif dalam kalangan guru dan murid prasekolah.
2. Menganalisis kandungan kurikulum sedia ada dan amalan pengajaran semasa dalam membangunkan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah.

Fasa 2 : Reka bentuk dan Pembangunan

3. Mereka bentuk dan membangunkan modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif untuk digunakan dalam bilik darjah prasekolah.
4. Mengesahkan kesesuaian dan kesahan kandungan modul yang dibangunkan melalui proses penilaian pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul

5. Menilai kebolehgunaan dan kesesuaian pelaksanaan modul dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sebenar di prasekolah.
6. Menilai persepsi guru terhadap keberkesanan dan kebolehlaksanaan modul dalam membangunkan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah.

Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian seperti yang telah digariskan di atas, persoalan kajian bagi kajian ini telah dirangka seperti berikut :

Fasa 1 : Analisis Keperluan

1. Apakah keperluan guru dan kanak-kanak prasekolah terhadap modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif?

2. Apakah kelemahan atau kekangan dalam amalan pengajaran semasa berkaitan pembangunan kemahiran sosial?

Fasa 2 : Reka bentuk dan Pembangunan

3. Apakah reka bentuk kandungan yang sesuai untuk modul kemahiran sosial berdasarkan pendekatan permainan kreatif?
4. Adakah kandungan modul yang dibangunkan mendapat persetujuan dan konsensus pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi?

Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul

5. Apakah tahap kebolehgunaan dan kesesuaian modul apabila dilaksanakan dalam bilik darjah prasekolah?
6. Bagaimanakah persepsi guru terhadap keberkesanan dan kepraktisan modul dalam meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak?

III. KAJIAN LITERATUR

Definisi dan Kepentingan Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial merujuk kepada keupayaan individu untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain secara positif dan produktif. Bagi kanak-kanak prasekolah, kemahiran sosial meliputi keupayaan mereka untuk bekerjasama, berkongsi, berkomunikasi secara berkesan, serta mengurus emosi dan konflik. Kemahiran ini sangat penting kerana ia menyokong perkembangan keseluruhan kanak-kanak dalam aspek kognitif, emosi, dan sosial.

Kemahiran sosial merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi dengan orang lain secara efektif dan positif. Menurut Walker et al. (2021), kemahiran ini termasuk kebolehan untuk berbual, mendengar, berkongsi, dan bekerjasama. Menurut Ginsburg (2020), kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosial yang baik cenderung lebih mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial dan akademik mereka, selain berpotensi untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan dewasa dengan lebih harmoni. Oleh itu, perkembangan kemahiran sosial pada peringkat prasekolah adalah asas kepada kejayaan mereka dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.

Kanak-kanak yang memiliki kemahiran sosial yang baik cenderung mempunyai hubungan yang lebih positif dengan rakan sebaya dan prestasi akademik yang lebih baik (Gresham & Elliott, 2018). Kemahiran sosial merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan orang dewasa dalam pelbagai konteks sosial. Ini termasuk kemahiran komunikasi, kerjasama, empati, penyelesaian konflik, dan pengendalian emosi (Gresham & Elliott, 2017).

Kemahiran Sosial dalam Pendidikan Prasekolah

Kajian oleh Albaree et al. (2022) menunjukkan bahawa hampir semua guru tadika di Selangor menyokong kepentingan perkembangan kemahiran sosial di kalangan

kanak-kanak prasekolah. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa tahap kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah masih rendah, yang mencadangkan keperluan untuk intervensi yang lebih fokus dan efektif dalam mengasah kemahiran sosial mereka.

Sebagai contoh, Wahab dan Mansor (2024) dalam kajian mereka di Malaysia mendapati bahawa walaupun banyak program pendidikan awal yang diterapkan untuk membina kemahiran sosial, terdapat kekurangan dalam latihan dan bahan yang sesuai untuk membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran ini dengan lebih efektif.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Sosial

Pelbagai faktor mempengaruhi perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak, termasuk faktor keluarga, sekolah, dan persekitaran sosial. Cunningham et al. (2021) dalam kajian mereka mendapati bahawa interaksi dengan rakan sebaya dan guru memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran sosial. Tambahan pula, Jusoh et al. (2023) menekankan bahawa hubungan antara ibu bapa dan anak juga memberi kesan terhadap cara kanak-kanak berinteraksi dengan orang lain, serta cara mereka menguruskan emosi.

Teori Ekologi Bronfenbrenner turut memberikan perspektif mengenai perkembangan sosial kanak-kanak, di mana faktor-faktor persekitaran dari sistem mikrosistem (seperti keluarga dan sekolah) hingga makrosistem (seperti budaya dan polisi pendidikan) mempengaruhi perkembangan mereka.

“Kepentingan Permainan Kreatif dalam Pembentukan Kemahiran Sosial”

Pelbagai kajian menyokong penggunaan permainan sebagai medium efektif dalam meningkatkan kemahiran sosial. Kajian oleh Rahim dan Ahmad (2020) menunjukkan peningkatan interaksi sosial melalui permainan lakonan.

Zakaria et al. (2025) mencatatkan bahawa permainan kreatif memberi kanak-kanak peluang untuk berlatih interaksi sosial dalam situasi yang selamat dan terkawal, yang membolehkan mereka mengembangkan empati dan kebolehan menyelesaikan masalah. Melalui permainan berstruktur, kanak-kanak dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang perasaan dan tindakan orang lain, serta belajar cara mengendalikan situasi sosial yang kompleks.

Permainan kreatif, seperti permainan berasaskan main peranan, drama, dan seni kolaboratif, telah terbukti sebagai alat yang berkesan untuk mengembangkan kemahiran sosial kanak-kanak. Menurut Hasan dan Zaini (2021), aktiviti permainan kreatif membantu kanak-kanak menguasai pelbagai kemahiran sosial seperti kerjasama, komunikasi, dan penyelesaian konflik.

Menurut Weisberg et al. (2016), permainan kreatif membantu dalam perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak dengan menyediakan ruang untuk eksplorasi dan ekspresi diri. Smith et al. (2018) juga menyatakan bahawa melalui permainan kreatif, kanak-kanak belajar untuk berkomunikasi, berunding, dan menyelesaikan masalah. Menurut Hashim dan Zulkifli (2021), kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti seni dan permainan berkumpulan menunjukkan tahap empati yang lebih tinggi. Tambahan

pula, pendekatan pedagogi berasaskan permainan kreatif memberikan peluang untuk menyampaikan nilai sosial secara tidak formal (Lee & Lim, 2023).

Permainan Kolaboratif: Meningkatkan Interaksi Sosial dan Komunikasi

Permainan kolaboratif merujuk kepada aktiviti bermain yang melibatkan kerjasama antara kanak-kanak untuk mencapai matlamat bersama. Melalui permainan ini, kanak-kanak belajar berkongsi, bergilir-gilir, dan menyelesaikan masalah secara kolektif, yang penting untuk perkembangan sosial dan komunikasi mereka.

Menurut kajian oleh Iqbal et al. (2023), permainan kolaboratif membantu kanak-kanak prasekolah beralih dari permainan bersendirian kepada permainan bersama rakan sebaya, yang meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi mereka.

Lakonan Peranan: Memupuk Empati dan Kemahiran Sosial

Lakonan peranan membolehkan kanak-kanak memahami perspektif orang lain dengan memainkan pelbagai watak. Aktiviti ini memupuk empati, meningkatkan pemahaman emosi, dan memperbaiki kemahiran sosial.

Kajian oleh Wirahandayani, M., Rakhmawati, W., & Rukmasari, E. A. (2023) menunjukkan bahawa kaedah lakonan peranan secara signifikan meningkatkan perkembangan sosial-emosi kanak-kanak prasekolah, termasuk pengurangan tingkah laku agresif dan peningkatan interaksi positif dengan rakan sebaya. Selain itu, kajian oleh Richard, S., Baud-Bovy, G., Clerc-Georgy, A., & Gentaz, E. (2020) mendapati bahawa latihan berasaskan permainan lakonan dapat meningkatkan pemahaman emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun.

Seni Kreatif: Meningkatkan Empati dan Ekspresi Emosi

Seni kreatif, termasuk tarian, lukisan, dan muzik, menyediakan medium bagi kanak-kanak untuk mengekspresikan emosi dan memahami perasaan orang lain. Aktiviti seni ini membantu dalam perkembangan empati dan kemahiran komunikasi. Tan, C. C. (2024) dalam kajiannya mengenai projek tarian kreatif di tadika Malaysia mendapati bahawa pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan empati dalam kalangan kanak-kanak tetapi juga memperkuat hubungan antara guru, ibu bapa, dan komuniti sekolah.

Kerangka Teori

Kajian ini dipandu oleh dua teori utama:

- i. Teori Sosial Vygotsky yang menekankan kepentingan interaksi sosial dalam pembelajaran kanak-kanak. Konsep “zon perkembangan proksimal” diaplikasikan dalam bimbingan aktiviti permainan oleh guru dan rakan sebaya. Teori Sosial yang diasaskan oleh Lev Vygotsky menekankan bahawa pembelajaran kanak-kanak berlaku secara efektif melalui interaksi sosial dengan orang lain yang lebih berpengetahuan, seperti

guru atau rakan sebaya. Konsep utama dalam teori ini ialah "Zon Perkembangan Proksimal" (Zone of Proximal Development - ZPD), iaitu jurang antara apa yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak secara sendiri dan apa yang boleh dilakukan dengan bantuan. Dalam konteks kajian ini, guru dan rakan sebaya memainkan peranan sebagai fasilitator yang membimbing kanak-kanak semasa menjalani aktiviti permainan kreatif, seperti bermain peranan dan permainan kumpulan. Bimbingan ini membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran sosial secara bertahap melalui interaksi yang terkawal dan bermakna.

- ii. Teori Konstruktivisme Piaget berpandukan kepada prinsip bahawa kanak-kanak membina kefahaman mereka terhadap dunia melalui pengalaman secara aktif. Jean Piaget menekankan bahawa pembelajaran kanak-kanak berlaku melalui proses eksplorasi, interaksi dengan persekitaran, dan refleksi sendiri. Dalam kajian ini, permainan kreatif seperti aktiviti seni kolaboratif dan permainan berasaskan cerita menjadi medium utama bagi kanak-kanak untuk membina kefahaman sosial. Kanak-kanak dapat menyelesaikan masalah, memahami peranan sosial, dan menyesuaikan diri dalam situasi permainan yang kompleks. Kanak-kanak membina kefahaman melalui pengalaman aktif dan refleksi sendiri. Permainan kreatif menjadi medium untuk pembelajaran secara signifikan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini menyumbang kepada inovasi pedagogi dalam pendidikan awal kanak-kanak melalui pembangunan modul yang berasaskan *main kreatif* dan direka secara sistematik menggunakan pendekatan DDR. Inovasi pedagogi bukan hanya melibatkan kandungan baharu, tetapi juga kaedah penyampaian yang dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Modul ini mengintegrasikan unsur permainan kolaboratif, seni kreatif, dan lakonan peranan yang menyokong pembelajaran berasaskan pengalaman serta perkembangan sosial-emosi kanak-kanak secara holistik (UNESCO, 2021).

Menurut Nikolopoulou et al. (2022), pedagogi inovatif dalam pendidikan awal perlu bersifat *child-centered*, mendorong eksplorasi, dan menyokong pembangunan kemahiran abad ke-21 termasuk komunikasi dan kerjasama. Modul yang dibangunkan dalam kajian ini memenuhi ciri-ciri tersebut melalui strategi pengajaran yang mendorong interaksi sosial dan penyelesaian masalah secara kreatif.

Modul yang dibangunkan berfungsi sebagai panduan praktikal yang boleh digunakan oleh guru prasekolah dalam melaksanakan aktiviti berasaskan permainan kreatif secara sistematik. Ia mengandungi elemen seperti objektif pembelajaran yang jelas, aktiviti yang memerlukan dan berstruktur, serta penilaian berbentuk pemerhatian yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak. Hal ini penting kerana guru sering berdepan cabaran dalam mengaplikasikan pendekatan kreatif secara konsisten dan berkesan tanpa panduan yang konkrit (Alias & Hamid, 2020).

Kajian oleh Ishimine & Tayler (2023) menekankan bahawa guru memerlukan sumber sokongan pedagogi yang mudah dilaksanakan dan relevan dengan konteks bilik darjah. Modul ini juga merangkumi adaptasi kepada pelbagai gaya pembelajaran dan keperluan individu kanak-kanak, seiring dengan prinsip *inclusion* dalam pendidikan awal.

Kajian ini menambah nilai kepada literatur sedia ada dengan menyediakan data empirikal tentang keberkesanan permainan kreatif dalam membangunkan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Terdapat banyak kajian luar negara yang membincangkan permainan dan perkembangan sosial, namun kajian tempatan yang membina modul intervensi berasaskan konteks budaya dan kurikulum Malaysia masih terhad (Zulkifli et al., 2022).

Penemuan dalam kajian ini juga menyokong teori perkembangan sosial seperti Vygotsky dan Piaget serta menyumbang kepada pemahaman bagaimana pembelajaran berbentuk interaktif dan tidak formal dapat memberi kesan positif terhadap tingkah laku sosial kanak-kanak. Tambahan pula, kajian ini menyediakan bukti bahawa pendekatan permainan kreatif boleh dijadikan medium pedagogi yang bukan sahaja menyeronokkan, malah efektif.

IV. METODOLOGI

Bab ini telah menghuraikan secara terperinci metodologi yang digunakan dalam kajian ini, merangkumi pendekatan Design and Development Research (DDR), berdasarkan model oleh Richey & Klein (2007) yang merangkumi tiga fasa utama:

1. Fasa 1: Analisis Keperluan (Needs Analysis)
2. Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development)
3. Fasa 3: Penilaian (Evaluation)

Model Richey & Klein (2007) ini menekankan proses iteratif dalam pembangunan produk pendidikan (seperti modul atau bahan pengajaran), dan melibatkan interaksi antara penyelidik dengan pengguna, data empirikal, serta teori pendidikan.

Fasa 1: Analisis Keperluan

Fasa ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan sebenar terhadap modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak. Proses ini melibatkan prosedur dan kaedah:

- i. Kajian literatur secara komprehensif berkaitan kemahiran sosial dan pendekatan permainan kreatif.
- ii. Temu bual bersama guru prasekolah dan pakar pendidikan awal kanak-kanak.
- iii. Pentadbiran soal selidik ke atas guru atau ibu bapa untuk mengenal pasti keperluan semasa dan kekangan sedia ada dalam pengajaran kemahiran sosial.

Populasi dan Sampel

- i. Populasi: Guru tabika di bawah KKDW.

- ii. Sampel: Guru berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun.
- iii. Pemilihan: Pensampelan bertujuan (*purposive sampling*).
- iv. Indikator: Pengalaman, lokasi bandar/luar bandar, latar belakang institusi.

Instrumen

- i. Protokol temu bual
- ii. Borang soal selidik
- iii. Senarai semak kandungan kurikulum

Analisis Data

- i. Kualitatif: Analisis tema (Braun & Clarke, 2006)
- Kuantitatif (soal selidik): Statistik deskriptif (min, sisihan piawai)

Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

Dalam fasa ini, penyelidik mereka bentuk struktur dan kandungan modul berdasarkan dapatan fasa pertama. Modul akan dibangunkan menggunakan prinsip reka bentuk instruksional seperti Model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation*) sebagai panduan sokongan tambahan dalam proses pembangunan. Tujuannya adalah untuk membangunkan dan menentusahkan Modul Kemahiran Sosial berdasarkan dapatan Fasa 1.

Prosedur

Antara langkah-langkah dalam fasa ini termasuklah:

- i. Pembangunan Modul: Berdasarkan model ADDIE dan teori sosial-kognitif.
- ii. Penentusahan Pakar: 3–5 pakar bidang (pembangunan kurikulum, pendidikan awal kanak-kanak, psikologi).
- iii. Penilaian kesahan kandungan: Menggunakan Content Validity Index (CVI).

Populasi dan Sampel

- i. Populasi: Pakar bidang pendidikan awal kanak-kanak.
- ii. Sampel: 3–5 orang melalui *purposive sampling*.
- iii. Indikator: Kelayakan akademik (PhD), pengalaman lebih 5 tahun dalam bidang berkaitan.

Instrumen

- i. Rubrik penilaian modul
- ii. Borang maklum balas pakar
- iii. Checklist validasi isi kandungan

Analisis Data

- i. CVI (Content Validity Index): Penilaian kesahan kandungan (Lawshe, 1975)
- ii. Analisis kualitatif: Cadangan pakar untuk penambahbaikan

Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul

Fasa ini bertujuan menilai keberkesanan dan kebolehgunaan modul terhadap kemahiran sosial murid prasekolah. Kaedah yang digunakan termasuk:

- i. Pelaksanaan modul dalam bilik darjah sebenar bersama murid prasekolah.
- ii. Pemerhatian secara sistematik (menggunakan senarai semak atau skala pemerhatian).
- iii. Temu bual guru dan murid secara reflektif selepas penggunaan modul.
- iv. Penilaian kebolehgunaan melalui model seperti Model Penilaian Kebolehgunaan oleh Davis (1989) yang mengukur "Perceived Usefulness" dan "Perceived Ease of Use".

V. PERBINCANGAN

Keperluan guru terhadap modul ini membuktikan bahawa pengajaran kemahiran sosial belum disokong dengan bahan yang sesuai. Ini selari dengan dapatan Wahab dan Mansor (2024) yang menyatakan bahawa guru memerlukan latihan dan bahan bantu mengajar untuk membina kemahiran sosial secara berkesan.

Kedua, reka bentuk modul yang menekankan permainan kolaboratif, lakonan peranan dan seni ekspresif terbukti sejajar dengan teori perkembangan sosial Vygotsky (1978) dan konstruktivisme Piaget (1952). Aktiviti dalam modul memberi ruang kepada interaksi sosial yang bermakna, bimbingan dari guru sebagai zon perkembangan proksimal (ZPD), dan pengalaman aktif dalam menyelesaikan masalah sosial. Ketiga, kesan pelaksanaan modul dalam bilik darjah menunjukkan bahawa permainan kreatif bukan sahaja meningkatkan interaksi sosial tetapi juga keyakinan diri dan kestabilan emosi kanak-kanak. Kajian Zakaria et al. (2025) dan Wirahandayani et al. (2023) yang menunjukkan permainan mampu mempertingkatkan empati, kawalan emosi dan hubungan sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Guru juga menilai modul ini sebagai mudah digunakan, berstruktur, dan sesuai untuk digunakan dalam pelbagai konteks pengajaran. Hal ini penting kerana kekangan masa dan beban tugas sering menjadi halangan kepada pelaksanaan aktiviti kreatif di bilik darjah (Alias & Hamid, 2020). Secara keseluruhannya, dapatan ini memperkukuh hujahan bahawa pendekatan pedagogi berasaskan permainan kreatif bukan sahaja menyeronokkan, tetapi efektif dalam membangunkan kemahiran sosial secara menyeluruh. Modul ini juga menepati prinsip pedagogi abad ke-21 yang berpusatkan kanak-kanak, bersifat inklusif dan menyokong perkembangan sosioemosi murid secara holistik.

VI. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini berjaya membangunkan satu modul kemahiran sosial berasaskan permainan kreatif yang terbukti berkesan dalam meningkatkan tahap komunikasi, empati dan kerjasama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pendekatan pedagogi yang digunakan membuktikan bahawa

permainan kreatif bukan sahaja merangsang perkembangan sosial, malah menyumbang kepada keyakinan diri dan kesejahteraan emosi kanak-kanak. Modul ini juga memperkukuh keperluan inovasi pedagogi dalam pendidikan awal kanak-kanak serta menekankan pentingnya pendekatan berpusatkan kanak-kanak.

Cadangan untuk amalan pendidikan pada masa akan datang, modul ini disarankan untuk digunakan secara meluas dalam kurikulum prasekolah. Justeru, latihan kepada guru juga perlu diberikan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan. Cadangan untuk kajian lanjutan boleh dijalankan terhadap populasi yang lebih luas termasuk kawasan luar bandar. Kajian keberkesanan jangka panjang juga boleh dijalankan untuk menilai impak berterusan terhadap pembangunan sosial kanak-kanak.

RUJUKAN

- Albaree, A., et al. (2022). The Importance of Social Skills Development in Preschool Children in Selangor: A Survey on Kindergarten Teachers. *Journal of Early Childhood Education*, 10(2), 120-134.
- Alias, N., & Hamid, J. A. (2020). *Supporting teachers with creative teaching modules in preschool education*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(9), 35-47.
- Cunningham, C., et al. (2021). Social Development in Early Childhood: The Role of Peer Interaction. *Early Childhood Research Quarterly*, 55, 42-56.
- Denham, S. A., Bassett, H. H., & Zinsner, K. M. (2020). Early childhood teachers as socializers of young children's emotional competence. *Early Childhood Education Journal*, 48(3), 321-331.
- Denham, S. A., Bassett, H. H., & Wyatt, T. (2020). *Social-emotional learning in early childhood: What we know and where to go next*. *Early Education and Development*.
- Denham, S. A., Bassett, H. H., & Wyatt, T. (2021). The development of emotional competence in preschoolers: Practice, theory, and policy implications. *Emotion Review*, 13(1), 15-30.
- Duncan, R. J., Schmitt, S. A., Burke, M., & McClelland, M. M. (2022). Contributions of executive function and social-emotional learning to school readiness in young children. *Early Childhood Research Quarterly*, 58, 40-51.
- Ginsburg, K. (2020). The Importance of Play in Promoting Healthy Child Development and Maintaining Strong Parent-Child Bonds. *Pediatrics*, 150(6), 1121-1133.
- Gmitrova, V., & Gmitrov, J. (2022). Playful learning: The impact of play on social skills in preschool children. *Journal of Early Childhood Research*, 20(2), 132-146.
- Ginsburg, K. (2020). The Importance of Play in Promoting Healthy Child Development and Maintaining Strong Parent-Child Bonds. *Pediatrics*, 150(6), 1121-1133.
- Hasan, M. & Zaini, N. (2021). Creative Play as a Tool for Developing Social Skills in Preschool Children. *Journal of Creative Education*, 15(3), 75-88.
- Hashim, R., & Zulkifli, N. (2021). Permainan Imajinatif dan Perkembangan Sosial. *Jurnal Pendidikan Awal*, 12(1), 45-58.
- Hirsch-Pasek, K., Golinkoff, R. M., Berk, L. E., & Singer, D. G. (2023). *Playful Learning: Developments in Understanding the Role of Play in Children's Development*. Oxford University Press.
- Huang, L. (2021). Creative play and social development in preschool: A review of current research. *Early Childhood Development and Care*, 191(8), 1123-1135.
- Ishimine, K., & Tayler, C. (2023). *Empowering early childhood educators through structured creative play programs*. *Australasian Journal of Early Childhood*, 48(1), 24-38.
- Ismail, N., & Hussin, S. (2021). Pedagogi Kreatif dalam Pendidikan Prasekolah. *Journal of Childhood Education*, 9(3), 33-50.
- Iqbal, Z., Shakil, T. I., & Zahoor, I. (2023). *Using Play to Improve the Social and Emotional Development of Preschool Children*.
- Jusoh, S., et al. (2023). Parent-Child Interaction and Its Impact on Social Skills Development in Early Childhood. *Malaysian Journal of Early Childhood Education*, 11(1), 21-30.
- Kamarulzaman, M. N., & Jalil, S. A. (2021). Cabaran Interaksi Sosial di Tadika. *International Journal of Early Childhood*, 7(2), 23-36.
- Lawrence Erlbaum.Smith, P. K., & Pellegrini, A. D. (2023). The role of play in children's development: Evolutionary, sociocultural, and educational perspectives. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 64(1), 46-56.
- Lee, T. H., & Lim, W. C. (2023). Creative Play-Based Learning and Preschool Socialization. *Early Childhood Development Review*, 15(1), 61-74.
- Lillard, A., et al. (2020). *The value of pretend play*. *Developmental Review*.
- Lillard, A., Taggart, J., & Smart, A. (2020). *Pretend play and children's development: A review of the evidence*. *Psychological Bulletin*, 146(11), 1045-1077.
- Mohamed, N. & Yusof, R. (2023). Early childhood education policy and practice in Malaysia: Current challenges and future directions. *Journal of Early Childhood Education Research*, 11(2), 123-137.
- Nikolopoulou, K., Gialamas, V., & Papadakis, S. (2022). *Innovative pedagogies in early childhood education: Embracing creativity and digital play*. *Early Child Development and Care*.
- UNESCO (2021). *Reimagining our futures together: A new social contract for education*. UNESCO Publishing.
- Noor, N. A., & Abdullah, Z. (2023). Modul Intervensi untuk Kemahiran Sosial Kanak-Kanak. *Journal of Educational Research*, 18(2), 87-100.
- Pellegrini, A. D. (2021). *Play and child development*. Routledge.
- Rahman, A. A. & Nor, F. M. (2024). Creative play and social skills development in preschool children: A Malaysian context. *Journal of Child Development Studies*, 14(1), 75-89.
- Piaget, J. (1952). *The Origins of Intelligence in Children*. International Universities Press.
- Gopnik, A., & Walker, C. M. (2021). Learning and exploration in childhood. *Annual Review of Psychology*, 72(1), 25-50.
- Rahim, A. H., & Ahmad, M. F. (2020). Penggunaan Permainan Peranan dalam Pembelajaran Sosial. *Jurnal Sains Sosial*, 6(2), 12-25.

- Richard, S., Baud-Bovy, G., Clerc-Georgy, A., & Gentaz, E. (2020). *The effects of a 'pretend play-based training' designed to promote the development of emotion comprehension, emotion regulation, and prosocial behaviour in 5- to 6-year-old Swiss children*.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*.
- Rohaya, H., Mazlina, M., & Zahidah, Z. (2022). *Permainan kreatif dalam pembelajaran awal kanak-kanak di Malaysia*. Jurnal Pendidikan Awal.
- Tan, C. C. (2024). *Understanding the Value of Creative Dance by Fostering Empathy: A Collaborative Project with a Malaysian Kindergarten*. Wacana Seni Journal of Arts Discourse, 23(Supp. 1), 52–62.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press.
- Liu, Y., Wang, M.-T., & Shen, Y. (2021). Social interactions and preschool children's development: A Vygotskian perspective. *Early Child Development and Care*, 191(3), 402–414.
- Wahab, F. & Mansor, A. (2024). Social Skills in Preschool Education: A Study on the Practices and Challenges in Malaysia. *International Journal of Early Childhood Education*, 25(4), 98-112.
- Wirahandayani, M., Rakhmawati, W., & Rukmasari, E. A. (2023). *The Effect of Role Playing Methods on Social-emotional Development in Preschool Children*. Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini, 7(1), 1156–1168.
- Yunus, R. S., Karim, N., & Halim, H. (2022). Kaedah Inovatif dalam Pembangunan Sosioemosi. *Journal of Creative Education*, 13(4), 120–134.
- Zakaria, Z. N., Osman, Z., Mohamad, A. N., Abdul Rani, N., & Jusoh, N. (2025). *Kepentingan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah melalui permainan kreatif*. EDUCATUM Journal of Social Sciences, 11(1), 19–27.
- Zulkifli, N. A., Wahab, N. A., & Hassan, R. (2022). *Permainan kreatif dan pembangunan sosial kanak-kanak prasekolah: Satu analisis literatur tempatan*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia, 12(1), 89–103.